

EDISI OKTOBER - DISEMBER 2023

# BULETIN MDSARATOK



KE ARAH PEMBANGUNAN MAMPAN

## Saratok New Year Countdown 2024 16-31 Disember 2023



Penerima Anugerah  
Perkhidmatan  
Cemerlang 2022

2

Hari Bersama  
Pelanggan & Hari  
Integriti MD Saratok

6

Majlis Pelancaran  
Saratok Go Green:  
Say No To Plastic Bag

24



083 - 436104



083 - 436146

# ISI KANDUNGAN

<b>SIDANG REDAKSI</b>	<b>1</b>
<b>VISI / MISI</b>	<b>1</b>
<b>PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2022</b>	<b>2</b>
<b>KEMPEN PENCEGAHAN PENYAKIT TIDAK BERJANGKIT &amp; RABIES</b>	<b>3</b>
<b>PROGRAM KURSUS PENGENDALIAN MAKANAN</b>	<b>4</b>
<b>HI-TEA TALK BERSAMA TUAN SETIAUSAHA</b>	<b>5</b>
<b>HARI BERSAMA PELANGGAN &amp; HARI INTEGRITI</b>	<b>6</b>
<b>PROGRAM OUTREACH SCS SCORECARD TAHUN 2023</b>	<b>7</b>
<b>TEAM BUILDING DI PANTAI TANJUNG KEMBANG</b>	<b>8</b>
<b>LAWATAN SAMBIL BELAJAR KANAK-KANAK TADIKA KEMAS KE PERPUSTAKAAN</b>	<b>9-11</b>
<b>PROGRAM GOTONG-ROYONG DI DEWAN SRI KRIAN SARATOK</b>	<b>12</b>
<b>KEMPEN KESEDARAN DENGGI &amp; BOMBA BERSAMA KOMUNITI</b>	<b>13-14</b>
<b>PROGRAM HARI WARGA PERPUSTAKAAN BERSAMA KOMUNITI</b>	<b>15</b>
<b>PROGRAM SEPANJANG SARATOK NEW YEAR COUNTDOWN 2024</b>	<b>16-21</b>
<b>PROGRAM X-CHANGE GIFT SEMPENA HARI KRISMAS</b>	<b>22</b>
<b>PERTANDINGAN FASHION 3R SHOW</b>	<b>23</b>
<b>MAJLIS PELANCARAN SARATOK GO GREEN: SAY NO TO PLASTIC BAG</b>	<b>24</b>
<b>PENAMPILAN KHAS KUMPULAN XPDC KITA PENG YU</b>	<b>25-26</b>

# SIDANG REDAKSI

**PENASIHAT** : Tn. Haron Bin Mahidi ( Pengerusi Majlis Daerah Saratok )

**KETUA PENYELARAS** : En. McCrea Joseph Pererra  
( Setiausaha Majlis Daerah Saratok )

**KETUA EDITOR** : Pn. Stefanie Anak Seli ( Ketua Pegawai Maklumat )

**EDITOR** : Pn. Dayang Nur Aziemah Binti Awg Jamaludin  
( Penolong Pegawai Maklumat )

**PEREKA GRAFIK** : Cik Masderia Nany Anak Angit

**JURUFOTO** : En. Erwin Anak Senabong / En. Alphonso Bin Mathali /  
En. Mohammad Haziq Bin Jimminan

## SIDANG EDITOR

Pn. Cinderella Anak Deck

En. Syazwan Bin Salleh

Pn. Evelyn Tara Enjop

## PENYUMBANG BAHAN

Wakil daripada setiap seksyen


# VISI

**PEMBANGUNAN  
SOSIO-EKONOMI  
YANG LESTARI**

# MISI

**KAMI KOMITED UNTUK  
MEMBANGUN KUALITI HIDUP YANG  
LESTARI MELALUI AMALAN  
TERBAIK DAN PENYAMPAIAN  
PERKHIDMATAN YANG  
BERORIENTASIKAN ASPIRASI  
RAKYAT**

# PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN GEMERLANG 2022



**PN. STEFANI AK SELI**

Penolong Pegawai Tadbir , N32

**PN. REGINA AK MEGAT**

Penolong Akauntan , W29

**PN. MAGELINE ANNIE AK  
EMPATIE**

Pembantu Tadbir ( KEW ) , W22

**PN. YAM BT MAT**

Pembantu Kesihatan Awam, U19

*Congratulations*

# KEMPEN PENCEGAHAN PENYAKIT TIDAK BERJANGKIT DAN RABIES

24 OKTOBER 2023

Kempen Pencegahan Penyakit Tidak Berjangkit dan Rabies merupakan sebuah program anjuran Majlis Daerah Saratok bagi meningkatkan kesedaran kepada komuniti setempat untuk menjaga kesihatan diri dari penyakit tidak berjangkit seperti penyakit jantung, penyakit kencing manis, darah tinggi dan diabetes melalui langkah pencegahan. Selain itu, objektif program ialah untuk memberi kesedaran pentingnya untuk kekal peka dengan penyakit berjangkit seperti rabies. Melalui program ini, pemilik anjing boleh mendapatkan suntikan percuma untuk anjing peliharaan masing-masing. Dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak bagi Bahagian Betong, Pejabat Kesihatan Saratok, Jabatan Kesihatan Bahagian Betong dan Klinik Kesihatan Nanga Atoi, program ini telah berjalan dengan lancar. Program ini diadakan di dua lokasi iaitu di Balai Raya Nanga Risau pada 24 Oktober 2023 dan Rh. Suyah, Mendas Asal pada 4 November yang juga bersempena dengan program WAIfm Datai Nemuai ke Rumah Suyah, Mendas Asal.

Kempen Pencegahan Penyakit Tidak Berjangkit dan Rabies di Nanga Risau telah dirasmikan oleh Pegawai Daerah Saratok, Haron bin Mahidi sebagai wakil Yang Berhormat YB Friday Anak Belik, ADUN N.39 Krian. Turut hadir ialah Setiausaha Majlis Daerah Saratok, McCrea Joseph Pererra, Dr. Syamil dari Jabatan Kesihatan Bahagian Betong, Puan Merry dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak Bahagian Betong, Chief John Party dari Pejabat Kesihatan Saratok, ahli Majlis dan Tuai Rumah di kawasan berdekatan. Sepanjang program berlangsung, saringan kesihatan dan pemberian vaksin anti rabies diberikan kepada anjing peliharaan yang dibawa oleh peserta secara percuma oleh pasukan veterinar. Taklimat juga turut diberikan berkenaan bahaya penyakit tidak berjangkit dan langkah pencegahan serta bahaya rabies dan langkah awal sekiranya digigit anjing dan kucing. Manakala bagi program ini di Mendas Asal, suntikan anti rabies anjing dan saringan kesihatan turut diberikan sepanjang program berlangsung



PENYAMPAIAN CENDERAMATA KEPADA TETAMU KEHORMAT YANG DIJEMPUT



UCAPAN DARIPADA WAKIL ADUN N.39 KRIAN, ENCIK HARON BIN MAHIDI, PEGAWAI DAERAH SARATOK YANG JUGA PENERUSI MAJLIS DAERAH SARATOK



SUNTIKAN VAKSIN ANTI-RABIES OLEH PEGAWAI VETARINAR.



SESI BERGAMBAR SELEPAS SELESAI PROGRAM.

# PROGRAM KURSUS PENGENDALIAN MAKANAN

26 OKTOBER 2023

Majlis Daerah Saratok dengan kerjasama Dual Aces Resources telah mengadakan Kursus Pengendalian Makanan pada 26 Oktober 2023 yang lepas. Seramai 47 peserta yang mendaftar untuk kursus yang bertempat di ruang legar Tingkat 1, Perpustakaan Awam Saratok ini dan dibahagikan kepada dua sesi. Cikgu Seri Amira merupakan tenaga pengajar terlatih di Sekolah Latihan Pengendalian Makanan dan berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Objektif kursus ini adalah untuk memberi peluang kepada komuniti untuk mendapatkan sijil pengendalian makanan yang diiktiraf oleh KKM. Melalui kursus ini, peserta dapat mempelajari cara mengendalikan makanan dengan betul seperti menggunakan sarung tangan yang bersih dan persekitaran yang bersih untuk menyediakan makanan. Kebersihan dalam pengendalian makanan amat penting kerana sekiranya tidak dikendalikan dengan baik dan kotor, kebarangkalian untuk keracunan makanan adalah besar. Keracunan makanan bukan saja boleh menjejaskan kesihatan malah boleh menyebabkan kematian untuk kes yang serius. Kesemua peserta yang mengikuti kursus ini telah diberikan sijil pengendalian makanan yang membolehkan mereka untuk membuka premis atau gerai makanan sendiri kerana sijil ini merupakan salah satu kriteria untuk membuka premis makanan dan minuman yang memerlukan kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan.



GAMBAR SEKITAR KURSUS PENGENDALIAN MAKANAN  
SESI PAGI



GAMBAR SEKITAR KURSUS PENGENDALIAN MAKANAN  
SESI PETANG



SESI BERGAMBAR SELEPAS TAMAT KURSUS BAGI KEDUA-DUA SESI

# HI - TEA TALK BERSAMA TUAN SETIAUSAHA

## MD SARATOK

2 NOVEMBER 2023

Program Hi-Tea Talk ini julung kalinya diadakan pada tahun ini dengan semua kakitangan Majlis Daerah Saratok. Seramai 30 orang kakitangan yang hadir pada program ini.

Setiausaha majlis En McCrea Joseph Pererra telah berkongsi topik mengenai Integriti. Salah satu tujuan utama peProgram Hi-Tea Talk ini julung kalinya diadakan pada tahun ini dengan semua kakitangan Majlis Daerah Saratok. Seramai 30 orang kakitangan yang hadir pada program ini. Setiausaha majlis En McCrea Joseph Pererra telah berkongsi topik mengenai Integriti. Salah satu tujuan utama pembicaraan tentang integriti adalah meningkatkan kesedaran akan pentingnya integriti dalam kehidupan sehari-hari, baik dalam konteks peribadi maupun profesional. Antara objektif daripada program Hi-Tea Talk ini adalah sebagai salah satu cara untuk merapatkan hubungan antara ketua jabatan, ketua bahagian, ketua unit dan para kakitangan sebagai salah satu konsep mentor mentee. Tuan Setiausaha juga mencadangkan semua ketua bahagian membuat perkongsian mengenai 6 nilai bersama kepada semua kakitangan pada setiap bulan. bicaraan tentang integriti adalah meningkatkan kesedaran akan pentingnya integriti dalam kehidupan sehari-hari, baik dalam konteks peribadi maupun profesional.

Tuan Setiausaha juga mencadangkan semua ketua bahagian membuat perkongsian mengenai 6 nilai bersama kepada semua kakitangan pada setiap bulan.



# HARI BERSAMA PELANGGAN & HARI INTEGRITI MD SARATOK

12 NOVEMBER 2023

Bersempena dengan Pesta Roban 2023, Majlis Daerah Saratok telah mengadakan Hari Bersama Pelanggan dan Hari Integriti Majlis Daerah Saratok di pekan Roban pada 12 November 2023. Program ini bermula pada jam 9.00 pagi dan berakhir pada 12.00 tengahari. Hari Bersama Pelanggan ini dihadiri oleh tetamu kehormat Yang Berhormat ADUN N.38 Kalaka, Tuan Haji Mohamad bin Duri. Turut hadir ke program ini ialah Pegawai Tadbir menguasai Roban, Encik Steve Miller, Setiausaha Majlis Daerah Saratok Encik McCrea Joseph Pererra, pegawai kerajaan, ahli Majlis, Ketua Kaum serta Tuai Rumah dan orang awam.

Pelbagai aktiviti menarik sepanjang program ini seperti pertandingan mewarna kanak-kanak, senam robik, cabutan bertuah, dan permainan di booth setiap Bahagian di Majlis Daerah Saratok. Enam (6) booth yang dibuka pada hari tersebut ialah Bahagian Pembangunan Komuniti dan unit Perpustakaan, Bahagian Kejuruteraan, Bahagian Pentadbiran, Bahagian Penilaian Pencukaian dan unit Kewangan, Bahagian Kesihatan Awam dan Bahagian Penguatkuasa.

Orang awam yang hadir boleh bertanya, membayar cukai, memberi cadangan penambahbaikan, mengutarakan aduan dan memohon pelbagai permohonan dengan mengisi borang di kaunter booth yang berkenaan. Dengan kesempatan itu juga, kakitangan Majlis Daerah Saratok telah melafazkan Ikrar Bebas Rasuah yang turut disaksikan oleh pegawai SPRM. Taklimat juga turut diberikan oleh pelbagai agensi kerajaan seperti PDRM, SPRM, Bomba dan Pejabat Kesihatan Daerah. Objektif program Hari Bersama Pelanggan ini adalah untuk menjelaskan fungsi dan peranan Majlis kepada orang awam serta mengambil maklum cadangan dan aduan awam bagi memperbaiki mutu perkhidmatan jabatan. Majlis Daerah Saratok komited untuk memperbaiki kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada orang awam bagi mencapai kepuasan pelanggan.



SESI BERGAMBAR SELEPAS SELESAI PROGRAM.



ANTARA AKTIVITI SEPANJANG PROGRAM SEPERTI SENAM ROBIK DAN PEMBUKAAN KAUNTER DI BOOTH SETIAP BAHAGIAN



UCAPAN DARI YB ADUN N.38 KALAKA, TUAN HAJI MOHAMAD BIN DURI



UCAPAN ALU-ALUAN DARIPADA SETIAUSAHA MAJLIS DAERAH SARATOK



IKRAR BEBAS RASUAH YANG DIPIMPIN OLEH ENCIK PRESLY DARI BAHAGIAN PENGUATKUASA



TAKLIMAT DARI AGENSI YANG TERLIBAT



# PROGRAM OUTREACH SCS SCORECARD

## TAHUN 2023

13 NOVEMBER 2023

Sistem Kad Skor Seimbang (SCS Scorecard) ialah sistem pengurusan prestasi yang membolehkan organisasi menjelaskan visi, misi, strategi dan objektifnya serta menterjemahkannya ke dalam tindakan.

Kad skor seimbang dibahagikan kepada empat bidang utama. Setiap kawasan (perspektif) mewakili aspek organisasi perniagaan yang berbeza untuk beroperasi pada kapasiti optimum.

- Perspektif Pelanggan mengukur tahap kepuasan pelanggan, pengekalan pelanggan dan bahagian pasaran yang dipegang oleh organisasi.
- Perspektif Kewangan terdiri daripada kos atau ukuran yang terlibat, dari segi kadar pulangan ke atas modal yang digunakan dan pendapatan operasi organisasi.
- Proses / Program / Projek / Perspektif Penyampaian Perkhidmatan terdiri daripada langkah-langkah seperti kos dan kualiti yang berkaitan dengan proses perniagaan.
- Perspektif Kapasiti Organisasi terdiri daripada ukuran seperti kepuasan pekerja, pengekalan pekerja dan pengurusan pengetahuan.



# TEAM BUILDING MD SARATOK DI PANTAI TANJUNG KEMBANG KABONG

24 NOVEMBER 2023

Semangat satu keluarga besar Majlis Daerah Saratok terus dipererat melalui penganjuran *Team Building* di Pantai Tanjung Kembang Kabong. Aktiviti ini dijalankan melibatkan semua kakitangan MDS dan aktiviti yang dijalankan adalah seperti futsal kampung, senamrobik, mumia, radio rosak serta sukaneka.

Semoga dengan program seumpama ini akan merapatkan ukhwah sesama keluarga besar MDS dan mendorong semangat untuk bekerja lebih komited.



# LAWATAN SAMBIL BELAJAR KANAK-KANAK TADIKA KEMAS KE PERPUSTAKAAN

Program "Lawatan Sambil Belajar Kanak-kanak Tadika KEMAS ke Perpustakaan" adalah merupakan salah satu program yang dicadangkan untuk dijalankan di Perpustakaan Awam di bawah Majlis Daerah Saratok kerana jumlah pengunjung ke perpustakaan yang semakin berkurangan pada masa kini ekoran penggunaan gajet seperti telefon bimbit menyebabkan kanak-kanak tidak berminat untuk berkunjung ke perpustakaan. Justeru, melalui program ini ia dapat memberi pendedahan kepada kanak-kanak di sekitar daerah yang berdekatan tentang kewujudan perpustakaan dan dapat menggalakkan kanak-kanak untuk berkunjung ke perpustakaan pada masa akan datang. Melalui program ini juga, pihak perpustakaan dapat memberi pendedahan kepada kanak-kanak tentang perkhidmatan yang ditawarkan di perpustakaan tersebut.

**28 NOVEMBER 2023 ( PERPUSTAKAAN AWAM KABONG )**



PESERTA YANG HADIR TERDIRI DARIPADA PESERTA DARI KANAK-KANAK TADIKA KEMAS KAMPUNG HILIR TENGAH KABONG



ANTARA AKTIVITI YANG DIANJURKAN OLEH PENANJUR DARI PERPUSTAKAAN AWAM KABONG.



AKTIVITI MEMILIH 2 BUAH BUKU YANG SERUPA GAMBAR.



AKTIVITI MEWARNA GAMBAR RAJAH.



ANTARA PESERTA KANAK-KANAK YANG TELAH MEMENANGI HADIAH SEPANJANG AKTIVITI.



JUMLAH KESELURUHAN PESERTA DAN GURU PENGIRING TADIKA BERSAMA KAKITANGAN PERPUSTAKAAN AWAM KABONG

**Antara aktiviti yang dianjurkan :**

- ❖ **Aktiviti mewarna**
- ❖ **Nyanyian sambil menari dalam mengenal pergerakan**




**JUMLAH KESELURUHAN PESERTA YANG HADIR DIIRINGI GURU PEMBIMBING.**



**PESERTA BERSAMA KAKITANGAN PERPUSTAKAAN**



**ANTARA AKTIVITI YANG DIANJURKAN SEPERT AKTIVITI MEWARNA**



**ACARA PENYERAHAN HADIAH KEPADA PESERTA KANAK-KANAK.**



**ACARA PENYERAHAN HADIAH KEPADA GURU PENGIRING.**

**Antara aktiviti yang dianjurkan :**

- ❖ **Aktiviti mewarna**
- ❖ **Nyanyian sambil menari dalam mengenal pergerakan**



**JUMLAH KESELURUHAN PESERTA YANG HADIR DIIRINGI GURU PEMBIMBING.**



**ANTARA AKTIVITI YANG DIANJURKAN SEPERT AKTIVITI MEWARNA**



**SALAH SEORANG DARIPADA PESERTA KANAK-KANAK TADIKA YANG TELAH MENERIMA HADIAH DARI PERPUSTAKAAN.**



**ACARA PENYERAHAN PERTUKARAN CENDERAHAT ANTARA KAKITANGAN PERPUSTAKAAN DAN GURU DARI TADIKA KEMAS.**

# PROGRAM GOTONG-ROYONG DI DEWAN SRI KRIAN SARATOK

29 NOVEMBER 2023

Majlis Daerah Saratok telah mengadakan program Perhimpunan Bulanan & Gotong Royong bertempat di Dewan Sri Krian, Saratok.

Program ini dihadiri kakitangan majlis seramai 60 orang. Tujuan program gotong royong ini adalah untuk membersihkan kawasan sekitar dewan serta mengeratkan lagi hubungan sesama kakitangan. Dengan program ini dapat meningkatkan lagi sifat kind caring, team spirit, semangat kesegaraan tugas supaya cepat siap gotong-royong.



# KEMPEN KESEDARAN DENGGI & BOMBA BERSAMA KOMUNITI



**06 DISEMBER 2023 ( RH. DIUS KEDOH , ULU ROBAN )**

Majlis Daerah Saratok dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah Saratok dan BOMBA Saratok telah mengadakan program Kempen Pencegahan Denggi + Bomba Bersama Komuniti di Rh. Dius, Kedoh Ulu, Roban. Kempen ini merupakan program yang memberi penerangan terperinci bahaya demam denggi yang dibawa oleh nyamuk aedes dan pentingnya menjaga kebersihan persekitaran.

Manakala untuk Bomba Bersama Komuniti, tujuannya adalah untuk memberi penerangan pentingnya pencegahan awal kebakaran menggunakan pemadam api terutama untuk kawasan yang jauh dari akses Bomba. Kempen Pencegahan Denggi + Bomba Bersama Komuniti ini dirasmikan oleh Yang Berhormat ADUN N.39 Krian, Tuan Friday anak Belik. Turut hadir ke program ini ialah Cr. Pati anak Gimang selaku wakil Setiausaha Majlis Daerah Saratok, wakil agensi yang terlibat, ahli Majlis, Tuai-tuai Rumah dan komuniti setempat.

Majlis Daerah Saratok merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada Yang Berhormat ADUN N.39 Krian, Tuan Friday anak Belik di atas kesudian beliau untuk hadir dan merasmikan program ini. Terima kasih juga kepada pegawai kerajaan dari Unit Vektor Pejabat Kesihatan Daerah Saratok dan BOMBA Saratok atas kerjasama melaksanakan program ini melalui taklimat yang berguna dan demonstrasi memadamkan api. Tidak lupa kepada Tuai Rumah Dius, Kedoh Ulu, Roban kerana membenarkan program ini dijalankan di rumah panjang tersebut. Terima kasih juga diucapkan kepada ahli Majlis, Tuai Rumah, kakitangan Majlis dan semua peserta yang hadir ke program Kempen Kesedaran Denggi + Bomba Bersama Komuniti.



SENAM ROBIK YANG DIPIMPIN OLEH KAKITANGAN NKF



KEHADIRAN PESERTA KE RH. DIUS, KEDOH ULU, ROBAN




ANTARA PESERTA YANG HADIR KE PROGRAM INI



UCAPAN DARIPADA YANG BERHORMAT ADUN N.39 KRIAN, ENCIK FRIDAY ANAK BELIK

# KEMPEN KESEDARAN DENGGI & BOMBA BERSAMA KOMUNITI



06 DISEMBER 2023 ( RH. DIUS KEDOH , ULU ROBAN )



**ADUN N.39 KRIAN MENYERAHKAN PEMADAM API KEPADA TUAI RUMAH DIUS.**



**TAKLIMAT DENGGI DARIPADA PEGAWAI DARI PEJABAT KESIHATAN DAERAH SARATOK**  
Dec 6, 2023 11:31



**TAKLIMAT KEBAKARAN DARIPADA PEGAWAI BOMBA SARATOK**  
Dec 6, 2023 11:53



**BERGAMBAR SELEPAS TAMAT PROGRAM BERSAMA YANG BERHORMAT FRIDAY ANAK BELIK**



**DEMONSTRASI MEMADAMKAN API OLEH BOMBA SARATOK**  
Dec 6, 2023 12:35



**PEGAWAI DI UNIT PERPUSTAKAAN JUGA MENGAMBIL PELUANG UNTUK MENGADAKAN PROGRAM READING SEED**

# PROGRAM HARI WARGA PERPUSTAKAAN BERSAMA KOMUNITI

16 DISEMBER 2023

Program "Hari Warga Perpustakaan Bersama Komuniti" adalah merupakan program dimana warga perpustakaan akan bertemu dan beramah mesra dengan warga komuniti di sekitar Saratok. Bagi menjayakan program ini, pihak perpustakaan sudah menjemput komuniti setempat di Saratok iaitu Pihak Persatuan Perkumpulan Wanita Sarawak (Cawangan Saratok) dan pihak Anak Seni Saratok. Seramai 27 orang peserta yang hadir.

Objektif program ini memberi pendedahan tentang perkhidmatan di perpustakaan dan fungsi perpustakaan awam bagi menggalakkan orang awam untuk berkunjung ke perpustakaan dan memanfaatkan kemudahan yang telah disediakan. Selain itu, dapat mewujudkan hubungan baik antara Unit Perpustakaan, Digital Community Centre (DCC) dengan komuniti setempat.

Majlis Daerah Saratok khususnya kakitangan Unit Perpustakaan, Bahagian Pembangunan Komuniti, dan Digital Community Centre merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat khususnya pihak NGO (Persatuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) dan Kumpulan Anak Seni Saratok.



# PROGRAM SEPANJANG SARATOK NEW YEAR COUNTDOWN 2024

**16-31 DISEMBER 2023**

**PERTANDINGAN SENI KUNTAU IBAN SARAWAK**

**JOHAN**  
RM 1,500.00 + PIALA

**NAIB JOHAN**  
RM 1,000.00 + PIALA

**TEMPAT KE -3**  
RM 700.00 + PIALA

**TEMPAT KE -4&5**  
RM 300.00

**TEMPAT KE -6**  
RM 200.00

**TEMPAT KE 7-10**  
RM 100.00

**YURAN PENYERTAAN RM50**  
TERHAD KEPADA 30 PENYERTAAN SAHAJA

**PENTAS UTAMA SRI KALAKA, SARATOK**  
29 DISEMBER 2023  
0800 MALAM

**ROLAND ANGKING - 0135758850**  
**TINGGOM - 0142852798**

**XPD**

Kita PengYu

**LIVE IN CONCERT**  
31.12.2023  
SARATOK'S NEW YEAR COUNTDOWN  
PENTAS UTAMA SRI KALAKA, SARATOK, SARAWAK

**SNYC BATTLE OF THE BANDS 2023**

WITH SPECIAL PERFORMANCE & TUNING BY **RITZmetalasia AND FRIENDS**

**22-23 DISEMBER 2023**  
PENTAS UTAMA SRI KALAKA, SARATOK, SARAWAK

**YURAN PENYERTAAN RM20**  
TERHAD KEPADA 10 PENYERTAAN TERAWAL SAHAJA

**PERTANDINGAN LAGU ASLI**

**PENTAS UTAMA SRI KALAKA, SARATOK**  
18 DISEMBER 2023

**JOHAN**  
RM 500.00 + PIALA

**NAIB JOHAN**  
RM 300.00 + PIALA

**TEMPAT KE -3**  
RM 200.00 + PIALA

Imbas QR Code untuk syarat dan borang penyertaan  
Untuk maklumat lanjut, sila hubungi  
**Moses - 0147917581**

**YURAN PENYERTAAN RM20**  
TERHAD KEPADA 10 PENYERTAAN TERAWAL SAHAJA

**PERTANDINGAN Lagu Iban**

**PENTAS UTAMA SRI KALAKA, SARATOK**  
27 DISEMBER 2023

**JOHAN**  
RM 500.00 + PIALA

**NAIB JOHAN**  
RM 300.00 + PIALA

**TEMPAT KE -3**  
RM 200.00 + PIALA

Imbas QR Code untuk syarat dan borang penyertaan  
Untuk maklumat lanjut, sila hubungi  
**Moses - 0147917581**

**YURAN PENYERTAAN RM200**  
TERHAD KEPADA 20 PENYERTAAN SAHAJA

**SNYC BATTLE OF THE BANDS 2023**

**JOHAN**  
RM 5,000.00 + PIALA+ SIJIL

**NAIB JOHAN**  
RM 3,000.00 + PIALA+ SIJIL

**TEMPAT KE -3**  
RM 2,000.00 + PIALA+ SIJIL

**VOKALIS TERBAIK**  
RM 200.00+ SIJIL

**PEMAIN DRUM TERBAIK**  
RM 200.00+ SIJIL

**PEMAIN GITAR UTAMA TERBAIK**  
RM 200.00+ SIJIL

**PEMAIN GITAR BASS TERBAIK**  
RM 200.00+ SIJIL

**PENTAS UTAMA SRI KALAKA, SARATOK**  
22-23 DISEMBER 2023

**THOMAS - 0107663634**  
**ERWIN - 01125615278**

Imbas QR Code untuk syarat dan borang penyertaan  
Untuk maklumat lanjut, sila hubungi

**Christmas Night**

17 DISEMBER 2023 | 0700 MLM | AHAD  
PENTAS UTAMA SRI KALAKA SARATOK

NYANYIAN BERKUMPULAN  
NYANYIAN BERDUET  
NYANYIAN SOLO  
TARIAN TAMBORIN  
KOIR  
SUNDAY SCHOOL  
TARIAN BERKUMPULAN

Pelesenan bersama gereja-gereja Daerah Saratok

You're invited for some holiday cheer to celebrate this special time of year!

**FASHION 3R SHOW**

TERHAD KEPADA 20 PENYERTAAN SAHAJA

**30 DISEMBER 2023**  
PENTAS UTAMA SRI KALAKA, SARATOK, SARAWAK

**YURAN PERCUMA**

**JOHAN**  
RM 300.00 - PIALA

**NAIB JOHAN**  
RM 200.00 - PIALA

**TEMPAT KE -3**  
RM 100.00 - PIALA

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi  
**DAYANG - 0192266110**

Imbas QR Code untuk syarat dan borang penyertaan  
TARIKH TUTUP PENYERTAAN : 16 DISEMBER 2023

Pada 16-31 Disember 2023 Majlis Daerah Saratok julung-julung kalinya mengadakan program Sambutan Ambang Tahun Baru iaitu Saratok New Year Countdown (SNYC2024). Program Sambutan Ambang Tahun Baru adalah acara yang diselenggarakan untuk merayakan kedatangan Tahun Baru. Acara ini sering kali diadakan pada malam tanggal 31 Disember. SNYC 2024 ini telah dirasmikan oleh YB Friday Ak Belik ADUN N.39 Krian pada 22 Disember 2024.

Terdapat pelbagai aktiviti yang diadakan semasa program tersebut iaitu Pertandingan Lagu Asli, Pertandingan Lagu Iban, Pertandingan Battle of The Bands ft Ritz Metalasia & Friends, Christmas Night, Pertandingan Kuntau Iban Sarawak dan Pertandingan Fashion 3R Show. Sambutan amat menggalakan untuk semua pertandingan yang kita adakan.

Selain itu terdapat gerai-gerai jualan yang telah disediakan oleh pihak Majlis pada program tersebut. Pada malam Ambang Tahun Baru kita telah dihiburkan oleh Kumpulan Rock Tanah Air iaitu XPDC Kita Peng Yu. Sambutan pada malam tersebut sangat meriah dengan kehadiran orang awam yang memenuhi perkarangan pentas utama Sri Kalaka.

Tujuan dari Program Sambutan Ambang Tahun Baru adalah untuk merayakan acara penting ini dengan sukacita dan semangat yang tinggi, serta untuk menyambut kedatangan tahun yang baru dengan harapan dan optimis. Program ini juga dapat mempererat ikatan sosial antara komuniti atau organisasi yang terlibat dalam perayaan tersebut.

## CHRISTMAS NIGHT

17 Disember 2023



# PERTANDINGAN LAGU ASLI

18 Disember 2023



# PERTANDINGAN BATTLE OF THE BANDS

22-23 Disember 2023





# PERTANDINGAN LAGU IBAN

27 DISEMBER 2023



# PERTANDINGAN SENI KUNTAU

## IBAN

29 DISEMBER 2023



# PROGRAM X-CHANGE GIFT SEMPENA HARI KRISMAS

29 DISEMBER 2023

Majlis Daerah Saratok telah membuat program tukar hadiah sempena Hari Krismas adalah acara yang biasa diadakan di kalangan keluarga, rakan sekerja, atau kumpulan-kumpulan sosial lainnya semasa musim perayaan. Ia melibatkan pertukaran hadiah di antara peserta yang biasanya dipilih secara rawak atau melalui sistem tukaran hadiah rahsia.

Diharapkan penganjuran program sebegini diteruskan di masa akan datang kerana selain dari keseronokan dan menghilangkan stress, pastinya ukhuwah yang dibina akan kekal abadi di sanubari semua.



# PERTANDINGAN FASHION

## 3R SHOW

30 DISEMBER 2023



# MAJLIS PELANCARAN SARATOK GO GREEN:

## SAY NO TO PLASTIC BAG.

31 DISEMBER 2023

Saratok telah memulakan projek rintis yang bertempat di daerah Kabong pada 31 Disember 2023 dengan 10 pemilik premis yang telah bersetuju bekerjasama untuk melaksanakan inisiatif ini.

Bermula Januari 2024, setiap Sabtu, tiada plastik akan dibekalkan oleh premis ini sebagai langkah untuk mengurangkan penggunaan plastik.

MDSaratok amat berbangga dengan penglibatan premis di Kabong dan berharap agar langkah ini dapat dibudayakan oleh penduduk Kabong dan disemarakkan ke daerah lain seterusnya.

Terima kasih Kabong!



# PENAMPILAN KHAS KUMPULAN

31 DISEMBER 2023

## XPDC KITA PENG YU

Kumpulan lagenda rock, XPDC yang telah lama bertapak dalam industri hiburan tanah air terus kukuh mengekalkan jenama mereka dalam kalangan peminat. XPDC Kita Peng Yu yang ditubuhkan 10 tahun terakhir oleh pengurusnya Bro Yazid bersama Arwah Mael, Zuar, Amy dan Jeff sentiasa menjadi rebutan di kalangan penganjur konsert dan juga penganjur karnival perniagaan. Setelah pemergian Mael atau nama sebenarnya, Syed Ismail Syed Ibrahim, kekosongan tempat beliau telah diisi oleh Ary bagi meneruskan legasi perjuangan Arwah Mael.

Sempena menyambut malam tahun baharu pada 31 Disember 2023, kumpulan XPDC Kita Peng Yu telah diterbangkan khas dari semenanjung ke Saratok, Sarawak untuk mengadakan konsert bagi meraikan peminat XPDC Kita Peng Yu di sini. Konsert yang dianjurkan oleh Majlis Daerah Saratok akan bermula jam 10.45 malam ini.



# PENAMPILAN KHAS KUMPULAN XPDC KITA PENG YU

31 DISEMBER 2023





**MAJLIS DAERAH SARATOK**  
**JALAN ABG ABU TALIP**  
**PETI SURAT NO. 73**  
**95400, SARATOK**

**☎ 083 - 436104**  
**083 - 436146**

**🌐 [saratokdc.sarawak.gov.my](http://saratokdc.sarawak.gov.my)**  
**✉ [saratodc@sarawak.gov.my](mailto:saratodc@sarawak.gov.my)**